

[Home](#) / [2025](#) / [November](#) / [Mahasiswa FSR UiTM Pahang Perkasa Literasi Anak-Anak Orang Asli Bateq](#)

## SINERGI

30/11/2025 / NUR ATIKAH MOHAMED KASSIM



**SUNGAI KENIAM, 23 November 2025** – Seramai 10 orang mahasiswa bersama dua orang pensyarah pengiring daripada Fakulti Sains Sukan & Rekreasi (FSR), UiTM Cawangan Pahang telah turun padang menjayakan **Program Literasi Kelas Rimba Bateq** yang berlangsung di Kampung Cangkung, Taman Negara Pahang dari 21 hingga 23 November lalu.

Program ini merupakan inisiatif pendidikan komuniti strategik yang didayakan oleh **Yayasan**

**Hasanah** dan dioperasikan oleh **Yayasan Foodbank Malaysia**. Ia bermatlamat untuk merapatkan jurang pendidikan dalam kalangan komuniti Orang Asli suku kaum Bateq, dengan tumpuan khusus kepada penguasaan kemahiran 3M (Membaca, Menulis, dan Mengira) serta kesedaran aspek kebersihan diri.

Sepanjang tiga hari program berlangsung, pasukan sukarelawan FSR telah mengendalikan pelbagai pengisian kreatif termasuk sesi bimbingan pembelajaran interaktif, permainan pendidikan, dan demonstrasi praktikal penjagaan kebersihan. Aktiviti luar yang diselitkan dalam silibus bukan sahaja menarik minat kanak-kanak Bateq untuk belajar, malah memupuk semangat kerjasama dalam kumpulan melalui pendekatan “belajar sambil bermain.”



Selain daripada aspek akademik, program ini menjadi platform penting dalam memperkukuh hubungan antara institusi pengajian tinggi dan masyarakat pedalaman. Para sukarelawan turut berpeluang menyelami realiti dan cabaran pendidikan di kawasan luar bandar, sekali gus membentuk sahsiah diri yang lebih prihatin dan inklusif.

Kejayaan program ini turut didorong oleh sambutan luar biasa serta kerjasama erat daripada penduduk Kampung Cangkung. Kerjasama antara pihak universiti dan yayasan ini membuktikan bahawa sinergi pelbagai pihak mampu memberikan impak positif yang nyata kepada kelestarian pendidikan komuniti rentan.

Pasukan sukarelawan FSR UiTM Cawangan Pahang komited untuk terus menyokong inisiatif pemerksaan pendidikan bagi masyarakat Orang Asli pada masa hadapan. Usaha ini adalah selaras dengan aspirasi universiti untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja kompeten dalam bidang sukan dan rekreasi, malah proaktif dalam menjalankan tanggungjawab sosial (CSR) demi pembangunan modal insan negara.

Penulis: Nur Atikah Mohamed Kassim

Penyunting: Mohd Azharul Azemi



Tags: [Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi \(FSR\)](#), [Komuniti Orang Asli Bateq](#), [UiTM Cawangan Pahang](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)



Program Bakti MADANI Mega UiTM  
2025 @ Bukit Besi Perkukuh  
Keusahawanan Sosial dan  
Pemerksaan Komuniti

UiTM Students Take the Lead in  
Advancing SDG Goals Through River  
Conservation Project



QUICK  
LINKS

Ministry of Higher Education  
Academic Calendar  
Intake Calendar  
Graduate Quick Search

HUBUNGI  
KAMI

Universiti Teknologi MARA  
(UiTM)  
40450 Shah Alam, Selangor  
Darul Ehsan  
Malaysia



[Library](#)

[UiTM Holdings](#)

[WiFi UiTM](#)

[E-Complaint](#)

Tel: +603-5544 2051 / 2000